

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MEKANIK TINGKAT KHAS (D.2 EB.3-4)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MEKANIK TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.2 EB.3-4 (\$650 - \$1,465 EB KHAS 1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus sekurang-kurangnya satu (01) Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei- Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' Level) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
-
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawasi dan memberikan arahan tugas kepada Mekanik dan Tradesman dibawah jagaan;
2. Membuat catatan laporan kenderaan yang dimasukkan ke dalam bengkel bagi pemeriksaan dan lainnya, dalam membaik pulih kenderaan berat dan ringan;
3. Memproses pembayaran pembelian minyak kenderaan Jabatan dan pembayaran kepada pembekal yang berkaitan; dan
4. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai dari masa ke semasa.